

**Simptom Denggi**

- ⊙ Pelbagai dan berbeza mengikut individu
- ⊙ Demam, sakit kepala, ruam dan muntah.

- ⊙ Lenguh badan, sakit di belakang mata, loya, kadangkala batuk
- ⊙ Virus aedes boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang, hati dan jantung berhenti

berdenyut  
 ⊙ Ada pesakit meninggal dunia seawal dua atau tiga hari selepas disahkan denggi

**Aedes**

- ⊙ Hanya nyamuk betina menggigit manusia
- ⊙ Aktif sepanjang hari terutama waktu subuh dan senja.
- ⊙ Suka membiak dalam air bersih atau jernih bertakung
- ⊙ Memerlukan sedikit air sebesar duit syiling 20 sen untuk bertelur.
- ⊙ Tempoh hayat sebulan dan bertelur tiga kali
- ⊙ 100 biji telur dihasilkan setiap kali bertelur
- ⊙ Warna hitam putih berbelang pada bahagian tubuh dan toraks.
- ⊙ Aedes Aegyti turut membiak dalam bangunan .
- ⊙ Habitat dalam bangunan memberikan hayat nyawa lebih panjang

**Denggi**

# Ancaman maut gigitan aedes

- 4 jenis virus, iaitu Den 1, Den 2, Den 3 dan Den 4 boleh menyebabkan denggi
- 3 jenis denggi, iaitu denggi biasa, denggi klasik dan denggi berdarah
- Penyakit urban
- Semua golongan berisiko kerana ia membiak di kawasan bersih dan moden
- Virus denggi tidak boleh berjangkit secara langsung
- Tiada penawar

## » 11,485 kes dilapor enam bulan pertama tahun ini membimbangkan

Oleh Nor Hatina Shuib dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@mediaprima.com.my

### Kuala Lumpur

**A**ncaman nyamuk aedes makin meningkat dengan 11,485 kes denggi dilaporkan dari Januari hingga Ahad lalu membabitkan 23 kematian, iaitu pertambahan empat peratus berbanding 11,063 kes dengan 22 kematian bagi tempoh sama tahun lalu.

Daripada jumlah itu, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi membabitkan 4,999 kes dengan lima kematian, diikuti Johor, 1,421 kes dengan tujuh kematian dan Perak 857 kes.

### Rekod tertinggi pada 2010

Berdasarkan analisis 2003-2012, Kementerian Kesihatan merekodkan 876 kematian akibat denggi dengan rekod tertinggi pada 2010 membabitkan 134 kematian.

Agak mengejutkan, lebih 30 peratus mangsa di Selangor tinggal di pangsapuri.

Menurut Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Rose Nani Mudin, kajian menunjukkan aedes boleh terbang sejauh 200 meter dan mampu hidup di tahap ketinggian 750 meter atau

bangunan 21 tingkat.

"Justeru, orang ramai perlu mengetepikan tanggapan kononnya penghuni bangunan tinggi atau pangsapuri tidak diserang aedes.

"Nyamuk secara semula jadi tidak mampu terbang pada ketinggian itu, tetapi ia ada cara tersendiri dengan terbang mengikut mangsa menaiki lif dan singgah di tingkat tertentu seterusnya bertelur dan membiak.

"Selepas menghasilkan telur di tempat air bertakung, nyamuk akan mula terbang di ketinggian yang lain pula untuk mencari mangsa dan tempat bertelur yang baru," katanya kepada BH.

### Faktor cuaca

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata pembiakan nyamuk aedes berkait rapat dengan cuaca.

"Analisis menunjukkan bagi tempoh lima tahun lalu peningkatan kes denggi berlaku antara Jun hingga September setiap tahun kerana sepanjang tempoh itu cuaca panas.

"Kadar gigitan dan proses pembiakan nyamuk lebih kerap berlaku dalam suhu yang tinggi dan aedes mengalami proses tumbesaran daripada larva ke dewasa dengan lebih cepat dalam keadaan panas," katanya.



“Orang ramai perlu mengetepikan tanggapan kononnya penghuni bangunan tinggi atau pangsapuri tidak diserang aedes”

**Dr Rose Nani Mudin,**  
Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan,

### INFO

## KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 22/13 (26 Mei hingga 1 Jun 2013)

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian dilaporkan				Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 22/2013		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 22/2012	
		Minggu 22 (26 Mei - 1 Jun 2013)		Minggu 21 (19 Mei - 1 Jun 2013)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	9		4		68		80	
2	Kedah	17		17		324	1	357	1
3	Pulau Pinang	10		12		278		276	1
4	Perak	19		31		814		693	1
5	Selangor	296	1	208		4,474	3	4,724	10
6	WPKL & Putrajaya	48		67	1	902	5	1,043	3
7	Negeri Sembilan	19		11		243		191	1
8	Melaka	3		11		190		276	
9	Johor	90		77		1,213	7	742	1
10	Pahang	8		7		223		310	1
11	Terengganu	8		17		112		360	
12	Kelantan	14		26		558		540	
13	Sarawak	20		13		699	2	444	
14	Sabah	7		5		300	1	209	1
15	WP Labuan	1		2		3		7	
	<b>Jumlah</b>	<b>564</b>	<b>1</b>	<b>508</b>	<b>1</b>	<b>10,401</b>	<b>19</b>	<b>10,352</b>	<b>20</b>

Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

# Azab hidap demam denggi

Seluruh tubuh terasa seperti di-bakar. Tulang pula ibarat dikero-nyok dan hancur lebur. Mata ber-pinar, lemah lesu dan makanan yang dijajah tidak terasa dek li-dah. Selera makan terus hilang kerana sakit yang ditahan bukan kepalang. Emosi pula sentiasa ti-dak stabil.

Tempoh 14 hari dianggap terlalu lama, ditambah pula dengan ke-sengsaraan yang amat perit. Itulah dialami Suzanne Selvarajah, 39, yang pernah dijangkiti demam denggi sehingga terpaksa dimasukan ke unit rawatan rapi (ICU) hospital kerajaan apabila tidak sedarkan diri, sekali gus membuatkan dia paranoid.

## Derita demam denggi

"Saya menderita demam denggi sebanyak dua kali iaitu pada 2000 dan 2008, ketika belum berkahwin. Malah, pada 2009 saya mengalami gejala denggi tetapi pulih dengan sendiri.

"Hanya yang pernah menga-laminya faham kesakitan dirasai. Bukan saja mengalami demam kuat seluruh tubuh rasa sakit, lenguh dan paling menyakitkan tubuh seperti diba-kar serta tulang seperti kena re-muk sesuatu.

"Ketika itu, doktor memberitahu

ibu, saya tiada peluang diselamat-kan. Bayangkan, saya hilang berat 11 kilogram. Telinga, mulut dan roma semua mengeluarkan darah. Dalam tidak sedarkan diri, akibat terlalu panas saya diletakkan di kerusi roda dan dimandikan.

"Keadaan sangat genting saat itu," katanya ketika ditemui pada sesi dialog bersama pengeluar je-nama racun serangga, Sc Johnson dan Kementerian Kesihatan, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Paranoid selepas dijangkiti

Selepas pulih, Suzanne menjadi paranoid. Jika anak berusia se-tahun lapan bulan keluar ke mana-mana, beliau cemas dan membe-lek seluruh tubuhnya bagi memas-tikan tidak digigit nyamuk.

"Malah, setiap petang saya kerap menyembur pencegah nyamuk di dalam rumah kerana takut digigit nyamuk. Saya cemas sangat apa-bila anak digigit nyamuk dan me-mukul nyamuk berkenaan bebe-ra-pa kali walaupun sudah mati.

"Saya sembur rumah setiap hari, bakar dan buang barang tidak pen-ting dan bertakung. Saya takut de-ngan apa yang pernah terjadi se-belum ini. Saya bukan saja tidak mahu anak saya, tetapi semua kanak-kanak dan insan lain tidak melalui apa yang saya hadapi," katanya.




**"Ketika itu, doktor memberitahu ibu, saya tiada peluang diselamatkan. Bayangkan, saya hilang berat 11 kilogram. Telinga, mulut dan roma semua mengeluarkan darah"**

**Suzanne Selvarajah**  
Penghidap denggi

## INFO

### KES DAN KEMATIAN DENGGI 2000-2012



BH 20/1/13 MS 13.



## Kepadatan penduduk punca kes meningkat



**Kuala Lumpur:** Banyak kes denggi direkodkan di Selangor kerana mempunyai kepadatan penduduk tinggi, selain kediaman yang padat dan berhampiran antara satu sama lain.

Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Rose Nani Mudin, berkata faktor itu memudahkan penularan jangkitan denggi.

“Lebih 70 peratus kes denggi dilaporkan berlaku di kawasan bandar malah angka itu semakin meningkat.

“Ia disebabkan populasi penduduk lebih ramai di kawasan bandar, selain banyak tapak tapak binaan yang menyumbang kepada tempat pembiakan apabila tidak diselenggara dengan baik,” katanya.

Beliau berkata dari Januari lalu hingga kelmarin tiga negara Asean yang menunjukkan peningkatan kes denggi secara ketara, iaitu Singapura 79 peratus (4,280 kes), Vietnam 19 peratus (2,393 kes) dan Filipina tujuh peratus (2,323 kes).

**Usaha bendung demam denggi**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, pula berkata pelbagai usaha dilaksanakan bagi membendung demam denggi termasuk pengenalan Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) pertengahan tahun 2011.

“Pengoperasian sistem ini berteraskan kepada penggunaan teknologi remote sensing secara web-based, GIS dan teknologi berkaitan sebagai usaha membantu kementerian memantau dan menguruskan denggi dengan lebih berkesan secara dalam talian,” katanya.

*Kepadatan penduduk dan kediaman antara faktor peningkatan kes denggi.*